



# **BUKU PANDUAN PELAKSANAAN EKSA**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI TERENGGANU**

---

*'Persekitaran Konduksif Warga Inovatif'*

*'Excellent Accounting @ Your Service'*

## KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum w.b.t. & Salam Sejahtera

Alhamdulillah, pertama sekali saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t dengan limpah kurnia dan izinNya, JANM Negeri Terengganu menerbitkan buku Panduan Pelaksanaan EKSA Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Terengganu. Buku ini diterbitkan sebagai panduan dan rujukan kepada warga JANM Negeri Terengganu amnya dan Jawatankuasa Kerja khususnya, sejajar dengan usaha ke arah pelaksanaan EKSA yang efektif di JANM Negeri Terengganu.

Buku panduan Pelaksanaan EKSA ini menyediakan maklumat yang lengkap dan sistematik serta praktikal bagi melaksanakan aktiviti EKSA ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, bersih, seragam dan kondusif.

Saya berharap Buku Panduan Pelaksanaan EKSA ini menjadi rujukan semua warga JANM Negeri Terengganu dalam merealisasikan pelaksanaan EKSA yang merupakan salah satu asas kepada budaya kerja "Pencapaian Diutamakan". Secara tidak langsung, amalam ini seiring dengan konsep "*Excellent Accounting @ Your Services*" dalam memastikan keperluan dan aspirasi jabatan dapat dicapai sepenuhnya.

Saya dengan ini menyeru kepada semua warga JANM Negeri Terengganu untuk sama-sama memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan pelaksanaan garis panduan ini dilaksanakan sepenuhnya. Akhir kata sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat di dalam membangunkan buku panduan ini.

**"PERSEKITARAN KONDUSIF WARGA INOVATIF"**

**Penaung**  
**Jawatankuasa EKSA**  
**Jabatan Akauntan Negara Malaysia**  
**Negeri Terengganu**

<b><u>KANDUNGAN</u></b>	<b><u>MUKASURAT</u></b>
1. TUJUAN .....	3
2. PENGENALAN EKSA.....	3
3. PENJENAMAAN SEMULA EKSA.....	4
4. VISI, MISI, DASAR DAN OBJEKTIF.....	7
5. MOTO DAN LOGO EKSA.....	8
6. JAWATANKUASA INDUK EKSA JANM.....	9
7. PERANAN JAWATANKUASA PELAKSANAAN EKSA.....	10
7.1. Penaung.....	10
7.2. Pengerusi .....	10
7.3. Fasilitator .....	10
7.4. Setiausaha (Penyelaras).....	10
7.5. Penolong Setiausaha.....	11
7.6. Jawatankuasa Audit Dalam.....	11
7.7. Jawatankuasa Promosi.....	11
7.8. Jawatankuasa Latihan dan Dokumentasi.....	11
7.9. Ketua Zon.....	12
7.10. Ahli-ahli.....	12
8. PEWUJUDAN DAN KEPERLUAN ZON .....	13
9. KOMPONEN PENILAIAN EKSA	
9.1. Komponen A : Keperluan Utama Pelaksanaan.....	14
9.2. Komponen B : Ruang Tempat Kerja/Pejabat.....	18
9.3. Komponen C : Tempat Umum.....	26
9.4. Komponen D : Keselamatan Persekitaran.....	30
9.5. Komponen E : Kawasan Persekitaran.....	32
10. LAMPIRAN .....	33
11. SENARAI KRITERIA EKSA GENERIK (KOMPONEN A- E2).....	37
12. PENUTUP .....	66

## 1. TUJUAN

**Buku Panduan Pelaksanaan EKSA ini bertujuan untuk:**

- ❖ Menerangkan konsep Program EKSA secara umum.
- ❖ Memberi panduan asas pelaksanaan EKSA di JANM Negeri Terengganu.
- ❖ Menerangkan kaedah pelaksanaan audit dalaman Amalan EKSA.
- ❖ Melaksanakan Program EKSA bagi menghasilkan persekitaran kerja yang bersih, kemas dan kondusif.
- ❖ Garis panduan ini adalah sebagai piawaian tindakan kebersihan, kekemasan dan keselamatan secara minima sahaja namun pemakaiannya adalah tertakluk kepada kesesuaian di peringkat zon.

## 2. PENGENALAN EKSA

**EKSA** telah diperkenalkan mulai Januari 2014 sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi mengetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia.

**Langkah penjenamaan semula** ini difikirkan sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam.

**MAMPU** telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan Amalan 5S yang kini dijenamakan semula kepada **Ekosistem Konduksif Sektor Awam (EKSA)**.

Langkah ini selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berpotensi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi-agensi sektor awam melalui penyediaan persekitaran budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam melalui penyediaan persekitaran budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.

### 3. PENJENAMAAN SEMULA EKSA

**EKSA** merupakan penjenamaan semula Amalan 5S yang telah diguna pakai dalam sektor awam sejak tahun 2010. Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan Amalan 5S yang ditambah baik di samping penambahan beberapa elemen baharu. EKSA bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang diamalkan sebelum ini, sebaliknya menambah baik elemen 5s tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Amalan 5S ditambah baik dengan lima (5) elemen baharu.

Secara khususnya, penjenamaan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan agensi kerajaan:

- i) Memperluaskan pelaksanaan di agensi-agensi kerajaan bagi **mewujudkan persekitaran yang kondusif**
- ii) Meningkatkan **imej korporat**
- iii) Menyemarakkan aktiviti **kreativiti dan inovasi** selaras dengan tuntutan
- iv) menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui **pembudayaan Amalan Hijau (Go Green)**
- v) memastikan elemen pengauditan **memenuhi keperluan kepelbagaian** organisasi/agensi Kerajaan



## Mewujudkan Persekitaran Yang Kondusif

- Persekitaran kondusif adalah penting dalam memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam. Amalan EKSA menggalakkan jabatan/agensi sektor awam memberikan penekanan pada penyampaian sistem perkhidmatan, mesra pelanggan dan memberi keselesaan semasa berurusan.

## Imej Korporat

- Merujuk kepada identiti atau persepsi pelanggan/pihak berkepentingan terhadap persekitaran, tindakan dan pencapaian sesebuah organisasi. Nilai, etika dan norma kerja yang seragam dalam kalangan warga kerja amat diperlukan untuk mewujudkan budaya korporat yang positif. Selain ciri-ciri ini, EKSA juga turut menitikberatkan aspek keselamatan persekitaran di setiap jabatan/agensi sektor awam

## Kreativiti dan Inovasi

- Dalam usaha untuk mempertingkatkan produktiviti di tempat kerja, EKSA menggalakkan warga jabatan/agensi membudayakan elemen kreativiti dan inovasi semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Persekitaran sektor awam yang sering kali berubah mengikut peredaran masa menuntut pewujudan budaya organisasi yang dinamik berasaskan kreativiti dan inovasi. Warga jabatan / agensi digalakkan untuk sentiasa berfikir di luar kotak (out of the box) untuk menghasilkan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat



## Pembudayaan Amalan Hijau

- Penekanan turut diberikan pada aspek Amalan Hijau di pejabat dengan melaksanakan program seperti kitar semula dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga ke arah penjimatan sumber. Aktiviti Amalan Hijau diharap dapat diterapkan kepada keseluruhan warga jabatan/agensi ke arah penggunaan sumber secara optimum

## Memenuhi Keperluan Kepelbagaian

- EKSA memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi kriteria generik dan kriteria khusus dengan mengambil kira kepelbagaian premis jabatan/agensi kerajaan mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan yang dipraktikkan sebelum ini iaitu "one size fits all" didapati kurang mencakupi keperluan kepelbagaian jabatan/agensi kerajaan pada masa kini.

**Amalan EKSA adalah asas peningkatan kualiti dan produktiviti yang berkesan kerana:**

- ❖ Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan produktif;
- ❖ Hasil kebersihan, kekemasan dan keselamatan yang nyata;
- ❖ Lebih banyak idea kreatif dan inovatif diketengahkan oleh pekerja untuk penyelesaian masalah dan penambahbaikan.
- ❖ Semua pekerja akan lebih berdisiplin dan beretika untuk menghasilkan prestasi kerja yang lebih baik;
- ❖ Operasi di tempat kerja lebih senang, pantas dan selamat; dan
- ❖ Membina budaya kerja dan nilai bersama yang cemerlang.

## 4. VISI, MISI, DASAR & OBJEKTIF

### 3.1 VISI

- Untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif di persekitaran kerja

### 3.2 MISI

- Mengukuhkan sistem budaya kerja yang selamat, bersih, berdisiplin, kemas dan selesa dengan melaksanakan amalan ekosistem yang kondusif di kalangan warga JANM

### 3.3 DASAR

- EKSA menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti kerja, perkhidmatan dan produktiviti melalui persekitaran kerja yang mesra, sihat, bersih, kemas dan selamat.

### 3.4 OBJEKTIF

- Meningkatkan imej korporat dengan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berkualiti iaitu selamat, bersih, kemas dan selesa pada setiap masa;
- Membantu meningkatkan disiplin diri dan semangat kerja berpasukan di kalangan warga JANM;
- Membantu meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan;
- Mewujudkan budaya kerja yang ceria, efektif dan inovatif; dan
- Meningkatkan kesedaran di kalangan warga kerja terhadap kepentingan penjimatan tenaga serta kitar semula (go-green).



## 5. LOGO DAN MOTO EKSA

### LOGO EKSA



**E - EFISIEN**

**KS - Kerjasama erat Dalam satu Perukan**

**A - Agensi Yang Berinovatif**

**Daun - Go Green**

**WARNA HIJAU** bermaksud persekitaran hijau bagi menggambarkan suasana bersih dari gejala yang tidak sihat

**WARNA MERAH** bermaksud membudayakan kerjasama

**WARNA BIRU** bermaksud harmoni dan selesa


**WARNA KUNING** bermaksud Perkhidmatan Produktif



**"PERSEKITARAN KONDUSIF WARGA INOVATIF"**

## 6. JAWATANKUASA INDUK EKSA JANM

### CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA INDUK EKSA



**6.1 Perantikan Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA dilaksanakan mengikut seperti berikut:-**

1. Pengarah merupakan Penaung
2. Timbalan Pengarah merupakan Pengerusi
3. Fasilitator merupakan dikalangan Pengurusan Profesional (P&P)
4. Seksyen Pengurusan merupakan Setiausaha (Penyelaras)
5. Seorang Penolong Setiausaha
6. Ketua Jawatankuasa Promosi/ Audit Dalam/ Latihan dan Dokumentasi yang dilantik berdasarkan pengalaman, minat, kecenderungan dan kebolehan pegawai mengamalkan EKSA
7. Ketua Zon dilantik berdasarkan kepada kekenanan sesuatu perjawatan hakiki pegawai dalam Zon yang sama dan/atau memiliki kemahiran dan ciri-ciri kepimpinan, minat dan pengetahuan yang baik berkenaan amalan EKSA.

## 7. PERANAN JAWATANKUASA PELAKSANAAN EKSA

### 1. Penaung

- Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA
- Menetapkan dasar, peraturan serta garis panduan
- Meluluskan belanjawan serta sumber-sumber kewangan
- Melantik ahli jawatankuasa induk EKSA dan juruaudit dalaman di zon-zon
- Menetapkan sistem pengiktirafan / penghargaan

### 2. Pengerusi

- Membentuk pelan tindakan pelaksanaan
- Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA
- Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan dengan bantuan jawatankuasa kecil
- Memantau kemajuan pelaksanaan EKSA melalui contoh amalan terbaik

### 3. Fasilitator

- Memberikan latihan dan panduan kepada ketua zon dan ahli;
- Memastikan semua kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan;
- Menentukan pembahagian zon;
- Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana; dan
- Menyelaras dan memantau aktiviti

### 4. Setiausaha (Penyelaras)

- Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan Jawatankuasa Pelaksana
- Menyelaras dan memantau program EKSA jabatan dan aktiviti zon
- Menyelaras dan memantau aktiviti serta perbelanjaan Jawatankuasa Pelaksana dan ahli
- Memastikan semua ahli mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan
- Menjadualkan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA
- Melaporkan kemajuan dan status pelaksanaan EKSA
- Menyediakan Buku Panduan Pelaksanaan EKSA

## 5. Penolong Setiausaha

- Bertindak sebagai urusetia mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA
- Mencatat dan menyediakan Minit Mesyuarat
- Menyimpan rekod utama dan minit berkaitan dengan pelaksanaan EKSA
- Menyediakan maklumat-maklumat berkenaan Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA kepada Sudut Zon

## 6. Jawatankuasa Audit Dalam

- Menyediakan kriteria audit dalaman EKSA
- Menentukan kekerapan aktiviti audit dalaman EKSA
- Menjalankan audit dalaman EKSA mengikut prosedur yang ditetapkan
- Menyediakan laporan dan analisis keputusan audit dalaman EKSA
- Menyemak kriteria audit dalaman dari semasa ke semasa mengikut keperluan
- Menyediakan Laporan Kendiri pelaksanaan EKSA

## 7. Jawatankuasa Promosi

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA
- Mengenalpasti dan melaksanakan aktiviti promosi bagi memupuk kesedaran dan penyertaan ahli dalam menjayakan pelaksanaan EKSA
- Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan
- Membantu menguruskan promosi bagi aktiviti latihan dan audit
- Menghebahkan maklumat terkini pelaksanaan EKSA dalam organisasi

## 8. Jawatankuasa Latihan dan Dokumentasi

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk Amalan EKSA kepada semua ahli
- Mengenalpasti jenis latihan berkaitan EKSA yang diperlukan dari semasa ke semasa
- Menyelaras dan memastikan setiap ahli diberikan latihan berkaitan EKSA
- Memberikan latihan dan panduan kepada ketua dan ahli-ahli
- Menyediakan Etika Penggunaan Peralatan Pejabat
- Menyelaras penggunaan peralatan pejabat
- Memastikan keseragaman label, pelan lantai, pelan lampu, sudut zon dan fail-fail jawatankuasa

## 9. Ketua Zon

- Menyampaikan maklumat terkini berkaitan EKSA kepada ahli zon
- Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli zon
- Mengalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan aktiviti EKSA
- Merancang dan menyelaraskan aktiviti zon
- Memastikan penyediaan Sudut Zon yang terkini dan kemaskini

## 10. Ahli-ahli


- Memberikan komitmen secara berterusan
- Menyertai aktiviti EKSA secara aktif
- Bekerjasama dalam kumpulan
- Menghadiri mesyuarat zon dan menyumbangkan idea bagi menjayakan pelaksanaan EKSA



## 8. PEWUJUDAN DAN KEPERLUAN ZON

Zon diwujudkan bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan dan pengawasan aktiviti EKSA yang dijalankan. Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Terengganu telah membahagikan seluruh kawasan di pejabatnya kepada tiga (3) zon seperti berikut:

1. Zon Emerald
2. Zon Ruby
3. Zon Amethyst



## 9. KOMPONEN PENILAIAN EKSA



**\*\* Senarai Kriteria EKSA Generik – di Lampiran**



## Komponen A – Keperluan Utama Pelaksanaan

### 1. Dasar/ Polisi EKSA

- i. Dasar dan buku panduan Pelaksanaan EKSA disebarikan melalui email/portal/poster dsb.
- ii. Amalan EKSA sentiasa diamalkan secara berterusan oleh setiap ahli melalui aktiviti harian (cth: kekemasan/kebersihan/langkah penjimatan dipatuhi), dan juga aktiviti gotong-royong bulanan serta program-program lain dari semasa ke semasa.
- iii. Dokumentasi pelaksanaan EKSA disediakan dan dikemaskini mengikut keperluan;
  - a) Fail Jawatankuasa Induk
  - b) Fail Jawatankuasa Audit Dalam
  - c) Fail Jawatankuasa Promosi
  - d) Fail Jawatankuasa Latihan dan Dokumentasi
  - e) Fail Zon
- iv. Dokumentasi EKSA disediakan secara seragam. Rujuk lampiran A-C.
- v. Buku Panduan Pelaksanaan EKSA disediakan bagi memastikan keseragaman pelaksanaannya.
- vi. Sudut EKSA Induk/Zon disediakan dengan butiran berikut:-

BIL.	ELEMEN	INDUK	ZON
1.	Polisi	√	√
2.	Carta Organisasi	√	√
3.	Gambar Aktiviti EKSA	√	
4.	Gambar Sebelum / Selepas Ke Arah Eksa		√
5.	Pelan Lantai		√
6.	Carta Perbatuan	√	√
7.	Informasi/hebahan (cth: bahan promosi/ buletin/ laporan audit)	√	√
8.	Tarikh kemaskini sudut EKSA dinyatakan dengan jelas	√	√

- vii. Maklumat dan bahan yang dipaparkan di sudut adalah yang terkini dan dalam keadaan baik.

## 2. Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA

- i. Terdiri daripada tiga (3) jawatankuasa berikut;
  - a. Jawatankuasa Audit Dalam
  - b. Jawatankuasa Promosi
  - c. Jawatankuasa Latihan dan Dokumentasi
- ii. Setiausaha/Penyelaras yang dilantik diberi latihan untuk menjadi pegawai rujuk EKSA.
- iii. Melaksanakan program/aktiviti EKSA secara berkala seperti berikut;
  - a. Mesyuarat
  - b. Audit dalaman
  - c. Latihan / kuiz *online*
  - d. Lawatan
  - e. Aktiviti promosi (buletin/hebahan)

## 3. Penglibatan Pengurusan Atasan

- i. Pengurusan Atasan terlibat secara langsung dalam amalan EKSA;
  - a. Pengarah bertindak sebagai Penaung EKSA
  - b. Timbalan Pengarah bertindak sebagai Pengerusi EKSA
- ii. Program-program EKSA seperti program kesedaran, ceramah, seminar, lawatan dan gotong-royong disertai oleh Pengarah dan/atau Timbalan Pengarah
- iii. Program dan aktiviti EKSA dilaporkan secara berkala seperti berikut;
  - a. Mesyuarat Pengurusan Jabatan
  - b. Perjumpaan dengan Pengarah
  - c. Portal, Buletin dan Hebahan

## 4. Penilaian Kendiri (*Self Assessment*)

- i. Audit Dalaman EKSA dijalankan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
- ii. Penilaian dijalankan berasaskan Panduan Audit Dalaman EKSA dan Panduan Pelaksanaan EKSA
- iii. Laporan Audit Dalaman diedarkan kepada Ketua Zon/Ahli.
- iv. Laporan Penilaian Kendiri dikemukakan mengikut ketetapan.

## 5. Pengiktirafan

- i. Program-program pengiktirafan dilaksanakan seperti;
  - a. Zon Terbaik diiktiraf selepas audit dalaman dijalankan.
  - b. Bahagian/bilik/sudut yang cemerlang akan diberikan *sticker* (Lampiran a).
  - c. *Workstation* terbaik dinilai dan diiktiraf.
  - d. Hasil kreativiti 3R dipertandingkan bagi menggalakkan kerjasama dan penyertaan semua ahli dalam amalan EKSA.
  - e. Dan lain-lain program yang bersesuaian.
- ii. Pensijilan semula EKSA diperbaharui secara berkala.
- iii. Program pengiktirafan dan penerimaan sijil akan diumumkan melalui Portal/ Perjumpaan Pengarah/ Mesyuarat-mesyuarat Jabatan.



## 6. Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi

- i. Kumpulan Inovatif dan Kreatif ditubuhkan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja warga Jabatan.
- ii. Program kreativiti dan inovasi dilaksanakan secara berterusan (cth; 3R dan penyertaan Konvensyen KIK)

## 7. Tindakan Penjimatan/Go Green

- i. Program penjimatan tenaga dilaksanakan seperti berikut;
  - a. Notis dan arahan penjimatan dikeluarkan.
  - b. Penggunaan sticker penjimatan secara seragam.

- ii. Program kitar semula dilaksanakan selaras konsep 3R dan penyediaan Sudut Go Green
- iii. Analisis penjimatan dilaksanakan mengikut kesesuaian.



**Komponen B – Ruang Tempat Kerja / Pejabat****1. Lantai**

- i. Pastikan lantai sentiasa dalam keadaan yang bersih dari sebarang kotoran. (tiada kesan *sellotape*, tidak berdebu dan tidak basah)
- ii. Tong sampah disediakan dan tiada sampah sarap di sudut-sudut atau di bawah peralatan, perabot dan hiasan.
- iii. Pastikan lantai tidak pecah dan tidak berlubang yang boleh mendatangkan bahaya.
- iv. Memastikan terdapat jadual pembersihan disediakan oleh pihak kontraktor .

**2. Dinding dan Siling****2.1 Dinding**

- i. Tiada kekotoran pada dinding.
- ii. Hiasan pada dinding adalah bersesuaian.
  - a) Hiasan hendaklah berada dalam keadaan yang tersusun, terkawal dan kemas.
  - b) Mestilah bersesuaian dengan imej jabatan dan korporat dan tidak keterlaluan dari segi kuantiti.
  - c) Berada dalam keadaan yang bersih dan tidak berdebu.
  - d) Semua hiasan yang berbentuk maklumat hendaklah sentiasa dikemaskini dan diselenggara dengan baik.

**2.2 Siling**

- i. Tiada kekotoran pada dinding.
- ii. Siling sentiasa dalam keadaan tertutup.
- iii. Siling diletakan dalam kedudukan selamat.
- iv. Tiada pendawaian elektrik dan telefon dalam keadaan berjuntai di bawah siling.

**3. Lampu dan Soket**

- i. Semua lampu dalam keadaan bersih, berfungsi dan berkeadaan baik.
- ii. Semua soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan yang baik.
- iii. Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan melalui memo/borang aduan kerosakan.



#### 4. Susun Atur Peralatan

- i. Laci pada meja/*mobile pedestal* dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu;
  - a. Tingkat 1 = Alat Tulis (atas)
  - b. Tingkat 2 = Rasmi (tengah)
  - c. Tingkat 3 = Peribadi (bawah)




- i. Barang-barang yang dibenarkan diletakkan di atas atau berada di sekitar meja hendaklah disusun dengan kemas, teratur dan seragam mengikut kesesuaian di zon masing-masing. Barang tersebut ialah ;
  - a. Komputer dan pekakasan berkaitan
  - b. Tanda nama pegawai ditampal ditepi petisyen.
  - c. Tray IN/OUT hendaklah dilabel dan dikemaskan
  - d. Fail myPortfolio
  - e. Kalendar Meja
  - f. Telefon individu dan telefon gunasama
  - g. Bahan rujukan (contoh no. telefon, kod-kod PTJ, pekeliling dll.)
  - h. Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW. PA-7) dipamerkan dan dikemaskini oleh pegawai bertanggungjawab.
  - i. Beg tangan/beg komputer diletakkan di tempat yang bersesuaian dalam keadaan kemas





## 5. Keadaan Peralatan


- i. Alatulis hendaklah diletakkan di dalam laci meja atau diletakkan di dalam *pen stand* dalam kuantiti yang munasabah dan kemas.
- ii. Semua peralatan pejabat dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Peralatan yang telah rosak hendaklah dibaiki atau dicadangkan untuk dilupuskan
- iii. Peralatan yang disimpan dilabel mengikut kesesuaian kecuali peralatan yang berharga seperti komputer riba dan LCD Projektor.
- iv. Semua peralatan tidak berdebu, bersih dan kemas.
- v. Peralatan hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah digunakan.
- vi. Setiap peralatan gunasama perlu ada PIC berserta nombor telefon/sambungan.
- vii. Etika penggunaan bagi peralatan gunasama disediakan mengikut kesesuaian.
- viii. Semua peralatan gunasama yang boleh dialihkan mesti mempunyai arahan/notis agar diletakkan atau disusun semula dengan kemas.





## 9. Meja Kerja Warga/Kubikel Kerja

- i. Meja kemas dan peralatan disusun dengan baik
- ii. Bakul sampah hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai dan teratur. Penggunaan visual hendaklah seragam mengikut zon sekiranya ada.
- iii. Kasut/selipar hendaklah diletakkan di dalam keadaan yang teratur dan kemas mengikut kreativiti di zon masing-masing terhad kepada keperluan penggunaan sahaja.
- iv. Fail-fail aktif yang berada di atas meja pegawai pada satu tempoh tugas hendaklah disusun dengan kemas dan teratur pada setiap masa.
- v. Hanya satu (1) hiasan sahaja dan bersesuaian dengan imej korporat;



## 10. Bilik Pegawai

- i. Meja kemas dan peralatan disusun dengan baik.
- ii. Perabot disusun dengan kemas.
- iii. Hiasan yang bersesuaian dengan imej korporat.

## 11. Stor Peralatan Pejabat

- i. Stor hendaklah dalam keadaan kemas, bersih dan tidak berdebu. Bahan-bahan dalam rak hendaklah dalam keadaan yang bersih & tersusun.
- ii. Terdapat sistem rekod inventori yang baik.
- iii. Semua item dilabel mengikut kesesuaian dan terdapat ruang/garisan untuk membezakan barang-barang simpanan
- iv. Etika, nama PIC, nombor telefon/*extention* dan pelan lantai yang bersesuaian disediakan.
- v. Kad rekod (kew-PS) / Buku Rekod digunakan untuk merekod pergerakan stok.
- vi. Bahan yang rosak dan yang boleh diguna tidak bercampur.

## 12. Bilik Fail

- i. Bilik fail/ruang simpanan fail hendaklah dalam keadaan terurus, kemas, bersih dan tidak berdebu.
- ii. Peralatan, kabinet dan rak dalam keadaan teratur, baik dan kemas.
- iii. Fail disusun kemas dengan teknik yang bersesuaian bagi capaian kurang dari 30 saat.
- iv. Senarai indeks fail disediakan dan fail bernombor.
- v. Fail dilabel dengan jelas dan mudah dilihat serta mempunyai tajuk fail dan nombor yang berturutan.
- vi. Sistem Kawalan Fail disediakan:-
  - Rak (fail yang berdaftar sahaja)
    - a) Mengikut kabinet / rak fail yang sedia ada di zon masing-masing.
    - b) Semua fail di setiap unit diletakkan secara berpusat dan dikawalselia oleh seorang PIC mengikut unit.
    - c) Menggunakan kod lokasi kedudukan fail bagi memudahkan capaian (dalam kiraan masa 30 saat dalam keadaan yang sesuai dan munasabah).
    - d) Mewujudkan sistem pergerakan fail, buku rekod pergerakan fail, Borang pergerakan fail atau senarai nama pegawai.
    - e) Penulisan pada fail mestilah kemas dan mudah dilihat (tulisan tangan yang kemas).
    - f) Mengikut turutan siri nombor.
  - Kabinet Besi Bertingkat untuk penyimpanan fail
    - a) guna *pocket file* untuk penyimpanan fail.
    - b) kedudukan fail 'tetulang fail disusun ke bawah dan selari (muka depan fail menghala ke depan).
    - c) Setiap poket fail dalam kabinet perlu dilabelkan dengan *font* dan saiz yang bersesuaian.
  - *Mobile Rack*
    - a) Gunakan kotak fail
    - b) Letakkan label pada setiap kotak
    - c) Susunan menegak
    - d) Letakkan label pada setiap fail.



➤ Kabinet Kayu

a) Dokumen Kewangan/Dokumen Kontrak

1. Letakkan label pada setiap *bundle* dokumen / fail
2. Susunan dokumen/fail hendaklah sentiasa kemas.  
(contoh ; mengikut PTJ dan tahun)

b) Fail Rasmi

1. Gunakan kotak kertas
2. Letakan label pada setiap kotak
3. Susunan menegak
4. Letakan label pada setiap fail



**13. Sudut/Bilik Cetak/Dokumentasi**

- i. Sudut/bilik cetak/dokumentasi dalam keadaan bersih, tidak berdebu, tersusun, kemas dan selamat.
- ii. Peralatan-peralatan dan kabinet atau rak berada dalam keadaan teratur, baik dan kemas.

**14. Bilik Pemandu**

(Tidak Berkenaan)

**15. Bilik Server/Terperingkat**

- i. Bilik server/terperingkat dalam keadaan bersih, tidak berdebu, tersusun, kemas dan selamat





## Komponen C – Tempat Umum

### 1. Ruang Hadapan

- i. Persekitaran adalah bersih, kemas, ceria dan selaras dengan imej korporat.
- ii. Terdapat sudut informasi.

### 2. Kaunter Utama

- i. Kaunter Utama berimej korporat dan mempunyai kriteria berikut;
  - a) Maklumbalas Kepuasan Hati Pelanggan
  - b) Direktori Kakitangan
  - c) Borang-borang dan brosur berkaitan
  - d) Bahan bacaan/informasi
  - e) Piagam pelanggan
- ii. Persekitaran adalah bersih, kemas, ceria dan selaras dengan imej korporat.
- iii. Persekitaran kaunter yang menyenangkan pelanggan.
- iv. Kerusi disediakan.
- v. Ada nama kakitangan bertugas.
- vi. Terdapat alatulis bagi kemudahan pelanggan.
- vii. Terdapat loceng bagi pelanggan untuk mendapatkan layanan di kaunter.
- viii. Carta alir perkhidmatan disediakan dan dikemaskini.

### 3. Ruang Menunggu

- i. Sofa atau tempat duduk disediakan.
- ii. Peralatan, perabot dan perhiasan sentiasa dalam keadaan kemas, bersih, teratur dan boleh digunakan.
- iii. Terdapat tong sampah yang bersesuaian.
- iv. Terdapat sudut informasi unit-unit

**4. Laluan Utama/Koridor**

- i. Peralatan dan hiasan disusun kemas, bersih dan teratur.
- ii. Tiada halangan di semua laluan dan pintu kecemasan

**5. Bilik Mesyuarat**

- i. Sediakan pelan lantai, etika & nama PIC beserta nombor telefon/*extention* bagi setiap bilik mesyuarat.
- ii. Pastikan kawasan, peralatan dan perabot berada dalam keadaan baik, kemas, bersih dan teratur.
- iii. Pamerkan Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW. PA-7) di tempat yang boleh dilihat dan dikemaskini oleh pegawai bertanggungjawab.
- iv. Sediakan makluman penggunaan bilik mesyuarat di luar bilik mesyuarat – tindakan oleh setiausaha mesyuarat.
- v. Gambar pemimpin kerajaan yang memerintah digantung merujuk kepada peraturan yang berkuatkuasa.

**6. Perpustakaan / Pusat Sumber**

(Tidak Berkenaan)

**7. Surau/Bilik Solat**

- i. Sediakan etika dan nama PIC beserta nombor telefon/*extention*.
- ii. Pamerkan Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW. PA-7) di tempat yang boleh dilihat dan dikemaskini oleh pegawai bertanggungjawab.
- iii. Pastikan lantai/karpet di surau dalam keadaan yang bersih, teratur, kemas dan selesa.
- iv. Pastikan tidak terdapat bau yang tidak menyenangkan.
- v. Telekung dan sejadah hendaklah disusun dengan kemas dan teratur.

- vi. Tuala/barang peribadi dilarang digantung di dinding atau pada tempat sangkut/penyidai.
- vii. Bahan bacaan seperti Al-Quran dan Yassin disusun kemas dan dalam keadaan baik.
- viii. Arah Kiblat dipamerkan dengan jelas.
- ix. Terdapat rak kasut dan selipar untuk kegunaan umum.



## 8. Lif

(Tidak Berkenaan)

## 9. Pantri/Tempat Minum

- i. Sediakan etika dan nama PIC beserta nombor telefon/*extention*.
- ii. Pamerkan Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW. PA-7) di tempat yang boleh dilihat dan dikemaskini oleh pegawai bertanggungjawab.
- iii. Peralatan/kemudahan bersih dan tidak berhabuk, dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan dengan baik. Panduan/Manual penggunaan peralatan yang memenuhi ciri keselamatan perlu disediakan.
- iv. Tiada pinggan mangkuk/cawan/gelas kotor diletak di atas meja dan sinki. (Jika ada)
- v. Kain lap sentiasa bersih dan disangkut kemas. (jika ada).
- vi. Sinki bersih, tidak tersumbat dan tiada sisa makanan. (Jika ada)

- vii. Meja makan perlu sentiasa berkeadaan bersih.
- viii. Kabinet dilabel mengikut kesesuaian.
- ix. Bahan makanan/minuman hendaklah diletakkan dalam bekas bertutup.
- x. Pantri sentiasa bersih, kemas, tersusun dan bebas daripada sebarang serangga, makhluk perosak, kekotoran dan bau yang tidak menyenangkan.
- xi. Peralatan elektrik ditutup setelah digunakan.

## **10. Tandas**

- i. Sediakan etika dan nama PIC beserta nombor telefon.
- ii. Semua peralatan dan kelengkapan berada dalam keadaan baik dan berfungsi dengan baik.
- iii. Bekas sampah berkeadaan bersih.
- iv. Pastikan tidak terdapat bau yang tidak menyenangkan.
- v. Terdapat sabun dan tisu/ pengering tangan.
- vi. Permukaan lantai sentiasa bersih dan kering.
- vii. Senarai semak/jadual kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan tandas dilekatkan di dalam bilik air.
- viii. Meja sinki sentiasa bersih dan kering.
- ix. Cermin muka berkeadaan bersih.
- x. Tempat mengambil wuduk bersih dan tidak tersumbat dan semua paip air berfungsi dengan baik.

## Komponen D – Keselamatan Persekitaran

### 1. Pelan Tindakan Kecemasan

- i. Peralatan keselamatan (alat pemadam api, *first aids box* dan sebagainya) diletakkan di tempat yang betul, mudah dilihat dan terdapat tatacara penggunaan.
- ii. Peralatan dalam keadaan baik dan berfungsi serta tidak luput jangka hayat pemakaian.
- iii. Terdapat ubat-ubatan yang bersesuaian dalam *first aids box* dan tarikh luput disemak.
- iv. Tanda-tanda amaran keselamatan yang dipamerkan dengan jelas (contoh : Dilarang Merokok dan tanda KELUAR di kawasan yang bersesuaian).
- v. Kakitangan diwajibkan menyertai latihan pengungsian bangunan yang dilaksanakan oleh pihak bangunan.
- vi. Kakitangan diberi pengetahuan tentang pelan laluan kecemasan dan tempat berkumpul.
- vii. Tanda arah laluan kecemasan diletakkan di tempat yang bersesuaian.



## 2. Pendawaian/Kabel

- i. Pendawaian elektrik/telefon/komputer/mesin/peralatan hendaklah dalam keadaan baik, sempurna, teratur, tidak berserabut dan selamat.
- ii. Setiap kepala plug hendaklah dilabel dengan kemas dan seragam mengikut zon.
- iii. *Extension* yang digunakan di meja bertugas hendaklah diletakkan dalam keadaan kemas dan tersusun samada tergantung menggunakan *skru/double tape*/tertutup dan dalam keadaan yang paling selamat.
- iv. Pelan lampu dan suis disediakan bagi kawasan/bilik yang mempunyai lebih dari satu (1) suis.



## 3. Peralatan Pencegahan Kebakaran

- i. Alat pemadam api diletakkan di tempat yang sesuai, mudah dilihat dan terdapat tata cara penggunaan.
- ii. Peralatan berada dalam keadaan bersih dan berfungsi serta tidak luput jangka hayat pemakaian.
- iii. Tarikh luput bagi alat pemadam api dipamerkan dengan jelas bagi tujuan penyelenggaraan.
- iv. Gelung hos disediakan dan berada dalam keadaan baik.



#### 4. Laluan/Tangga Kecemasan

- i. Tanda arah KELUAR dipaparkan dengan jelas.
- ii. Pintu rintangan api sentiasa berfungsi, tiada sebarang halangan objek dan tidak terbuka.
- iii. Tiada halangan di laluan/ tangga/ pintu kecemasan.

#### 5. Kunci

- i. Memastikan anak kunci dilabel, ditanda dan memenuhi tatacara keselamatan.
- ii. Memastikan anak kunci disimpan di dalam ruang penyimpanan yang selamat.
- iii. Memastikan senarai anak kunci disimpan dengan selamat oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- iv. Menyediakan buku log peminjaman kunci dan dikemaskini.



#### Komponen E – Kawasan Persekitaran

- Tidak Berkenaan



# LAMPIRAN

**LAMPIRAN A – Isi Kandungan Fail Induk****PELAKSANAAN AMALAN EKSA**

## Isi Kandungan

A - UMUM	PERKARA
1	Dasar dan Objektif EKSA
2	Logo dan Moto EKSA
3	Pelantikan Jawatankuasa EKSA
4	Carta Organisasi Jawatankuasa Induk EKSA
5	Pelan Lantai Zon
6	Carta Perbatuan Induk
7	Memo & Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk
8	Agenda EKSA Dalam Mesyuarat Pengurusan
B - AKTIVITI	PERKARA
1	Laporan Jawatankuasa
2	Penambahbaikan dan Impak EKSA
3	Lain-lain
C - RUJUKAN	PERKARA
1	Buku Panduan Pelaksanaan EKSA

**LAMPIRAN B – Isi Kandungan Fail Jawatankuasa Audit/ Latihan & Dokumentasi / Promosi****PELAKSANAAN AMALAN EKSA**

## Isi Kandungan

A - UMUM	PERKARA
1	Dasar dan Objektif EKSA
2	Logo dan Moto EKSA
3	Pelantikan Jawatankuasa EKSA
4	Carta Organisasi Jawatankuasa EKSA
5	Pelan Lantai Zon
6	Carta Perbatuan
7	Memo & Minit Mesyuarat
8	Agenda EKSA Dalam Mesyuarat Pengurusan
B - AKTIVITI	PERKARA
1	Laporan Jawatankuasa
C - RUJUKAN	PERKARA
1	Buku Panduan Pelaksanaan EKSA

**LAMPIRAN C – Isi Kandungan Fail Zon****PELAKSANAAN AMALAN EKSA**

## Isi Kandungan

A - UMUM	PERKARA
1	Dasar dan Objektif EKSA
2	Logo dan Moto EKSA
3	Pelantikan Jawatankuasa Induk EKSA
4	Carta Organisasi Jawatankuasa Induk EKSA / Zon
5	Pelan Lantai Zon
6	Carta Perbatuan Induk
7	Memo dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk / Zon
8	Agenda EKSA Dalam Mesyuarat Pengurusan
<b>B - AKTIVITI</b>	<b>PERKARA</b>
1	Laporan Jawatankuasa
2	Penambahbaikan Dan Impak EKSA
3	Lampiran-lampiran
<b>C - RUJUKAN</b>	<b>PERKARA</b>
1	Buku Panduan pelaksanaan EKSA

### Senarai Kriteria EKSA Generik (Komponen A- E2)

KOMPONEN GENERIK							
KOMPONEN A							
KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN		1	2	3	4	5	MARKAH
A1) Dasar / Polisi EKSA							
1	Menyediakan Garis Panduan selaras dengan Dasar EKSA agensi.	Garis panduan tidak disediakan		Garis panduan disediakan kepada sebahagian warga agensi		Garis panduan disediakan kepada semua warga agensi	
2	Menyebarkan Dasar dan Garis Panduan EKSA serta memastikan semua warga kerja memahaminya.	Dasar dan Garis Panduan EKSA tidak disebarkan		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarkan dan difahami oleh sebahagian warga		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarkan dan difahami oleh semua warga	
3	Memastikan Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh semua warga agensi.	Amalan EKSA tidak diamal dan dipatuhi oleh warga agensi		Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh sebahagian warga agensi		Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh semua warga agensi	



4	Memastikan dokumentasi berkaitan pelaksanaan EKSA termasuk perkara berikut disusun dengan teratur dan sentiasa dikemaskini: i. Minit mesyuarat ii. Surat lantikan Jawatankuasa iii. Laporan aktiviti Jawatankuasa	Dokumentasi tidak teratur dan tidak dikemaskini		Sebahagian dokumentasi teratur dan dikemaskini		Semua dokumentasi teratur dan dikemaskini	
5	Mewujudkan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti ketetapan agensi/garis panduan yang dibangunkan oleh agensi.	Tiada keseragaman		Keseragaman pada sebahagian agensi		Keseragaman pada keseluruhan agensi	
6	a) Menyedia dan memaparkan SUDUT EKSA di tempat yang strategik (secara maya atau fizikal) dan mengandungi perkara-perkara berikut: i. Dasar EKSA agensi ii. Carta organisasi iii. Gambar aktiviti SEBELUM & SELEPAS iv. Pelan lantai v. Carta Perbatuan semasa vi. Informasi/hebahan vii. Tarikh kemaskini sudut EKSA	Sudut EKSA tidak disediakan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi dua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi tiga hingga empat perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan serta dipaparkan secara kreatif dan inovatif	
	b) Memastikan maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemaskini dan dalam keadaan baik.	Tidak terkini dan tidak berada dalam keadaan baik		Sebahagian sahaja yang terkini dan dalam keadaan baik		Terkini dan berada dalam keadaan baik	

<b>A2) Jawatankuasa Pelaksana EKSA</b>							
7	a) Membentuk dan melantik Jawatankuasa Pelaksana EKSA yang terdiri sekurang-kurangnya tiga (3) Jawatankuasa seperti berikut: i. Jawatankuasa Latihan & Dokumentasi ii. Jawatankuasa Promosi iii. Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Pelaksana tidak dibentuk dan tidak dilantik		Jawatankuasa Pelaksana dibentuk dan dilantik tetapi hanya mempunyai satu hingga dua jawatankuasa yang disyorkan		Jawatankuasa Pelaksana dibentuk dan dilantik serta mempunyai semua jawatankuasa yang disyorkan	
	b) Melantik fasilitator terlatih sebagai pakar rujuk pelaksanaan Ekosistem EKSA.	Fasilitator tidak dilantik		Fasilitator dilantik tapi tidak terlatih		Fasilitator telah dilantik dan terlatih	
8	Merancang dan melaksana program/aktiviti EKSA secara berkala seperti berikut: i. Menyedia dan mengemaskini carta perbatuan aktiviti ii. Menyebar maklumat latihan, promosi dan audit iii. Melaksana program pengayaan ilmu	Program/aktiviti EKSA tidak dirancang dan dilaksanakan		Program/aktiviti EKSA dirancang tetapi tidak dilaksanakan		Program/aktiviti EKSA dirancang dan dilaksanakan	
